



Fail: (69) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 9 Mac 2012

Ketua Pengarang,

Harian Metro

Akhbar : **Harian Metro**
Tarikh : **13 Feb Februari 2012**
Subjek : **'SMS'**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) merujuk kepada sistem pesanan ringkas 'SMS' tersebut.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 2008 bagi menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672). Antara peranan utama PPSPPA ialah untuk memantau tahap prestasi syarikat-syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Pada 1 September 2011, Akta 672 telah dikuatkuasakan dan sekaligus ia akan membawa satu transformasi dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara.

Bermula dari tarikh itu, perjanjian konsesi bersama tiga (3) syarikat yang membekalkan perkhidmatan tersebut telah diadakan. Syarikat-syarikat yang telah dilantik adalah Alam Flora Sdn. Bhd, SWM Environment Sdn Bhd dan Environment Idaman Sdn Bhd. Jika dilihat sebelum ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan sisa pepejal atau sampah dan ini telah mengakibatkan tahap perkhidmatan yang tidak seragam di seluruh negara. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan dengan mewujudkan

Perbadanan bagi melaksanakan kawalselia dan menguruskan sisa pepejal atau sampah dari mula ia dikutip, diangkat sehinggalah ianya dilupuskan.

Pelbagai pendekatan dan kaedah telah dilakukan oleh Perbadanan bagi meningkatkan mutu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Diantaranya adalah dengan mewujudkan satu nombor aduansisa 1 800 88 7472 untuk seluruh negara bagi memudahkan aduan dilakukan rakyat. Selain dari itu, tong sampah yang berpenutup, beroda dan mesra alam turut akan diberikan kepada premis-premis rumah secara berperingkat. Syarikat-syarikat konsesi turut akan menaiktaraf lori kompaktor sedia ada kepada lori kompaktor yang lebih moden mesra alam secara berperingkat bagi melicinkan proses pengangkutan sisa pejal atau sampah ke tapak pelupusan. Diharap perkembangan ini bakal memberikan faedah dan impak positif yang membolehkan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan berkualiti;

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my